

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT, MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR  
[ CAMERON HIGHLANDS ]**

**SOALAN**

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan pelan ataupun rancangan Kementerian bagi pembinaan perumahan untuk masyarakat Orang Asli yang rata-ratanya merupakan golongan di bawah B40 di seluruh negara di bawah program PPRT. Mohon kemukakan perangkaan projek tersebut mengikut negeri dan daerah.

**JAWAPAN : YB SENATOR TUAN WAYTHA MOORTHY AL  
PONNUSAMY,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) sentiasa komited untuk memastikan kemudahan asas terutama keperluan rumah Orang Asli diberi perhatian sewajarnya. Peruntukan bagi pembinaan rumah kepada masyarakat Orang Asli diterima melalui peruntukan Program Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) meliputi pembinaan rumah baru dan baik pulih rumah sedia ada di perkampungan Orang Asli seluruh negara. Sehingga kini, JAKOA sentiasa menerima peruntukan tahunan bagi pembinaan dan baik pulih rumah daripada KPLB.

Pada tahun 2019, sebanyak **120 unit bina baru** dan **55 unit baik pulih** rumah telah diluluskan dengan anggaran kos sebanyak **RM 6,715,000**. Maklumat pelaksanaan projek PPRT mengikut negeri adalah seperti berikut : -

BIL	NEGERI	JENIS BANTUAN		JUMLAH
		BINA BARU (BB)	BAIK PULIH (BP)	
1.	Pahang	40	10	50
2.	Perak & Kedah	30	15	45
3.	Kelantan & Terengganu	20	15	35
4.	Selangor	10	5	15
5.	Negeri Sembilan & Melaka	10	5	15
6.	Johor	10	5	15
<b>Jumlah</b>		<b>120</b>	<b>55</b>	<b>175</b>

Sekian, terima kasih.